



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Usuluddin (931)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 1 136 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 79.75% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.57	7.83	12.30	8.93	13.93	14.66	9.53	6.38	3.10	3.64	7.13

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil yang tepat, calon kurang menguasai kemahiran membanding, dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon memberikan **empat** sifat unggul bagi rasul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sifat unggul bagi rasul ialah *sidq*, *amanah*, *tabligh*, dan *fatamah*.

Soalan 1(b) pula menghendaki calon menjelaskan **empat** perbezaan antara mukjizat dengan *maunah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon hanya menjelaskan perkara yang berkaitan dengan mukjizat tanpa membuat perbezaan dengan *maunah*. Calon sepatutnya membuat perbezaan antara mukjizat dengan *maunah* daripada aspek penerima, tujuan, bentuk, dan masa.

Soalan 1(c) menghendaki calon menjelaskan **empat** matlamat pengutusan rasul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Menyeru manusia mengesakan Allah SWT,
- (ii) Menyampaikan ajaran yang terbaik kepada umatnya,
- (iii) Menjelaskan tertang perkara ghaib,
- (iv) Menjadi *qudwah hasanah* kepada umat masing-masing

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon memberikan pengertian ihsan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ihsan ialah memperelok ibadah yang zahir kepada Allah SWT dan memperelok aspek batin dengan mengikhlaskan diri melakukan ibadah atau apa-apa perkara.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan kedudukan iman, Islam dan ihsan berdasarkan dua situasi yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bagi menjawab soalan ini, calon perlu menguasai konsep iman, Islam, dan ihsan. Bagi situasi (i), calon sepatutnya menjelaskan Puan A seorang yang patuh dengan ajaran agama Islam kerana dia menutup aurat dan menjaga solat. Namun begitu, keimanannya masih kurang kerana dia tidak meninggalkan perkara yang berdosa, iaitu mengumpat. Oleh itu, ihsan Puan A masih berada pada kedudukan yang belum sempurna kerana melakukan maksiat walaupun dia patuh dengan ajaran Islam. Bagi situasi (ii) pula, iman dan ihsan Puan B belum sempurna kerana Puan B tidak patuh kepada larangan agama. Puan B tidak menutup aurat. Namun begitu, Puan B seorang Muslim yang mematuhi ajaran Islam dengan membaca al-Quran.

Soalan 2(c) menghendaki calon menjelaskan **tiga** faktor berkurangnya iman seseorang Muslim. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon berupaya memberikan fakta berserta dengan huraian yang lengkap. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah melakukan perbuatan keji, kurang beramal soleh, sentiasa keluh kesah, tidak menjaga hawa nafsu, lalai dalam beribadah, dan lain-lain lagi.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan **empat** contoh alam nyata menurut al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah langit dan bumi, tanaman, alam cakerawala, lautan, malam dan siang, dan lain-lain lagi.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan ruang lingkup penggunaan akal manusia berserta dengan **dua** dalil daripada al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon hanya menjawab berkaitan dengan ruang akal yang mampu manusia capai. Calon sepatutnya menjawab ruang lingkup yang mampu dan tidak mampu dicapai oleh akal manusia. Jawapan yang sepatutnya diberikan calon ialah akal manusia mampu berfikir berkaitan dengan kehebatan ciptaan Allah SWT supaya manusia dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT, seperti pada Surah al-Ghashiyah ayat 17 hingga 20. Namun begitu, Islam tidak menyerahkan kebebasan mutlak kepada akal untuk berfikir, iaitu sesuai dengan kemampuannya. Akal manusia terbatas untuk menyingkap tentang hakikat ruh dan hakikat zat Allah SWT, seperti yang dinyatakan pada Surah al-Isra' ayat 85 dan Surah al-Syura ayat 11.

Soalan 3(c) menghendaki calon menerangkan **empat** tujuan manusia berfikir berdasarkan dalil yang diberikan, iaitu ayat 53 daripada surah al-Fussilat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah dapat mengetahui dan berfikir dengan tanda kebesaran Allah SWT yang terdapat dalam alam semesta, dapat mengetahui dan berfikir tentang tanda kebesaran Allah SWT yang terdapat pada diri manusia sendiri, dapat mencari bukti tentang kekuasaan Allah SWT yang mencipta alam nyata dengan teratur dan rapi, dapat meyakini semua yang dicipta oleh Allah SWT untuk manusia bukan sia-sia, dan membuktikan kebenaran al-Quran.

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan **empat** faktor dalaman yang menyebabkan kelahiran pemikiran akidah Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah berita kewafatan Rasulullah SAW, tempat pengebumian Rasulullah SAW, isu berkaitan al-Quran, isu berkaitan al-Hadis, isu berkaitan masyarakat Islam dan lain-lain lagi.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan bagaimana faktor agama dan faktor Falsafah Greek menyebabkan kelahiran pemikiran akidah Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Faktor agama merujuk kepada kemasukan ramai golongan bukan Islam ke dalam Islam ekoran daripada perluasan wilayah Islam. Mereka yang baru memeluk Islam ini mempunyai latar belakang agama yang pelbagai. Pertembungan agama Islam dengan Yahudi melahirkan fikrah *al-tasybih* dan *al-tajsim*. Seterusnya, muncul perbahasan sifat, *qada'* dan *qadar*, serta kalam Allah SWT. Faktor Falsafah Greek pula merujuk kepada aktiviti penterjemahan yang tersebar ke dalam dunia Islam melalui pembukaan wilayah. Penterjemahan karya Falsafah Greek dan mantik mendorong ulama Islam untuk menggunakan hujah falsafah dalam perbahasan ketuhanan. Kemudian, muncul golongan *syakkiyun* yang terpengaruh dengan fahaman yang dibawa oleh *Sophos* yang terkenal di Yunan. Kumpulan Muktazilah berusaha menyerapkan pemikiran falsafah ke dalam akidah Islam.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan **empat** ciri ajaran sesat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan ialah terdapat unsur pemujaan, mengagungkan seorang guru atau pemimpin secara melampau, mempunyai unsur kebatinan yang melampau, melakukan perkara yang bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah, dan lain-lain lagi.

Soalan 5(b) menghendaki calon menghuraikan **empat** faktor penyelewengan akidah di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menghuraikan faktor ini dengan baik disokong dengan contoh yang relevan. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah taklid buta, penguatkuasaan undang-undang yang lemah, pengaruh ajaran sesat, taksuf, dan lain-lain lagi.

Soalan 5(c) menghendaki calon menjelaskan **empat** penyelewengan yang terdapat dalam *Aurad Muhammadiyah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang memberikan ciri penyelewengan ajaran sesat secara umum tanpa menghubungkan kait dengan *Aurad Muhammadiyah*. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Berpegang kepada konsep Imam Mahdi yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah,
- (ii) Menyamakan taraf Syeikh Muhammad As Suhaimi yang dianggap sebagai Imam Mahdi dengan *Khulafa' al-Rasyidin*,
- (iii) Mendakwa Syeikh Muhammad As Suhaimi menerima *Aurad Muhammadiyah* daripada Rasulullah SAW di dalam Kaabah secara sedar,
- (iv) Beramal dengan Majlis *Yaqazah*, iaitu majlis yang didakwa dihadiri oleh Rasulullah SAW dan *Khulafa' al-Rasyidin*.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 1 022 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.67% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	9.74	5.81	8.56	9.84	12.99	10.04	12.69	8.34	7.09	4.92	9.98

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhan, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana sama ada pada bahagian A atau pada bahagian B. Hal ini disebabkan calon tidak mempunyai perancangan yang baik semasa menjawab soalan. Calon tidak dapat mengemukakan dalil yang tepat, jawapan yang diberikan adalah menyimpang daripada kehendak soalan, tidak dapat mengemukakan fakta yang tepat, dan jawapan yang diberikan tidak relevan dengan kehendak soalan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Ulm al-Quran*

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan **empat** keistimewaan *Rasm Uthmani*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang memberikan keistimewaan *Mashaf Rasm Uthmani* sebagai jawapan. Antara jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah *Rasm Uthmani* bertepatan dengan riwayat bacaan *mutawatir*, dapat memudahkan bacaan dengan wajah *qiraat*, salah satu daripada rukun bacaan al-Quran, salah satu daripada mukjizat al-Quran, mengikut sunnah Rasulullah SAW, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** penambahbaikan *Rasm Uthmani* yang dilakukan pada zaman tabiin. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, terdapat segelintir calon yang memberikan penambahbaikan di luar zaman tabiin. Antara penambahbaikan yang dilakukan pada zaman tabiin ialah peletakan titik pada huruf yang tertentu, peletakan baris pada setiap huruf bagi membezakan antara huruf *fathah*, *kasrah*, dan *dhammah*, peletakan tanda *sukun* dan *syaddah* bagi membezakan antara huruf yang ringan dengan huruf yang berat, peletakan tanda *waqaf*, peletakan tanda *fasilah*, peletakan tanda *saktah*, dan peletakan tanda berangkai.

Soalan 1(c) menghendaki calon menerangkan **empat** kesan negatif sekiranya tiada penambahbaikan dilakukan terhadap *Rasm Uthmani*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Tanpa peletakan titik pada huruf al-Quran, umat Islam tidak dapat membezakan huruf yang mempunyai bentuk yang sama,
- (ii) Tanpa peletakan baris pada huruf al-Quran, umat Islam sukar dan keliru untuk membaca al-Quran dengan betul,
- (iii) Tanpa peletakan *fawasil*, umat Islam tidak akan dapat mengetahui jumlah keseluruhan ayat yang terdapat dalam al-Quran,
- (iv) Tanpa peletakan tanda *waqaf*, sebahagian umat Islam tidak mengetahui tempat yang sesuai untuk memberhentikan bacaan, terutama ayat al-Quran yang panjang.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon memberikan pengertian *nasikh* dan *mansukh*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Nasikh* ialah hukum syarak yang *memansukhkan* (menghilangkan) suatu hukum syarak yang terdahulu. *Mansukh* ialah hukum syarak yang *dimansukhkan* oleh suatu hukum yang datang kemudian.

Soalan 2(b) menghendaki calon menerangkan maksud istilah *lafaz am*, *lafaz khas*, *lafaz mutlaq*, dan *lafaz muqayyad*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Lafaz am* ialah lafaz yang meliputi keseluruhan makna yang sesuai dengannya berdasarkan satu peruntukan. *Lafaz khas* ialah suatu lafaz yang digunakan untuk menunjukkan pengertian dan maksud yang khusus terhadap individu, seperti nama orang. *Lafaz mutlaq* pula ialah lafaz tertentu yang tidak terikat oleh batasan lafaz yang mengurangi keumumannya. *Lafaz muqayyad* ialah suatu lafaz tertentu yang dibatasi oleh batasan lafaz lain yang mengurangi keumumannya.

Soalan 2(c) menghendaki calon menjelaskan pandangan ulama tentang hukum *hadis mutawatir* *menasakhkan* al-Quran berserta dengan dalil bagi setiap pandangan tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon hanya memberikan hukum tanpa dalil yang tepat. Terdapat perselisihan pendapat ulama berkaitan dengan hukum *hadis mutawatir* *menasakhkan* al-Quran. Imam Abu Hanifah, Imam Malik, dan Imam Ahmad berpendapat harus *hadis mutawatir* *menasakhkan* al-Quran kerana keduanya-duanya merupakan wahyu daripada Allah SWT dan bersifat *mutawatir*. Ini berdasarkan firman Allah SWT pada ayat 3, Surah al-Najm. Imam Syafie pula berpendapat tidak harus *hadis mutawatir* *menasakhkan* al-Quran kerana martabat *sunna* lebih rendah jika dibandingkan dengan al-Quran, sekalipun *sunna* tersebut bertaraf *mutawatir*. Ini berdasarkan firman Allah SWT pada ayat 106, Surah al-Baqarah.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon memerihalkan riwayat hidup penulis kitab tafsir *Nur Ehsan*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Nama pengarang kitab ini ialah Sheikh Haji Muhammad Said bin Umar Khatab bin Aminuddin bin Abdul Karim. Beliau lahir pada tahun 1854 bersamaan 1275 Hijrah di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah. Beliau mendapat pendidikan di Patani dan Mekah. Beliau pernah menjadi Guru Diraja Negeri Kedah dan Qadi di Jitra. Beliau meninggal dunia pada 9 Mac 1932 dan disemadikan di Masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah.

Soalan 3(b) menghendaki calon menerangkan **empat** metode penulisan kitab tafsir *Nur Ehsan*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat sebahagian calon yang memberikan isi kandungan kitab sebagai jawapan. Jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Kitab ini ditulis dalam bahasa Melayu Kedah dengan menggunakan tulisan jawi klasik,
- (ii) Nombor muka surat diletakkan di bahagian atas sebelah kanan jika ia merupakan helaian kanan, dan nombor muka surat diletakkan di sebelah atas kiri jika ia merupakan helaian kiri,
- (iii) Pengarang menggunakan tulisan jawi sepenuhnya dan kadang-kadang diselangi dengan kalimah bahasa Arab yang disusuli dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu,
- (iv) Pengarang memulakan penulisan dengan menulis nama surah dan menyatakan sama ada surah tersebut merupakan surah *madani* atau *makki*,
- (v) Pengarang menggabungkan metode *tafsir bi al-ma'thur* dengan metode *tafsir bi al-ra'yi*.

Soalan 3(c) menghendaki calon menjelaskan **empat** faktor kemunculan kitab tafsir dalam bahasa Melayu. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah keperluan orang Melayu mendalami tafsir al-Quran, ramai anak-anak Melayu yang belajar di Timur Tengah dan mengarang kitab tafsir selepas pulang, lahirnya pusat pengajian pondok di Tanah Melayu, tuntutan agama dalam menyebarkan ilmu pengetahuan, dan lain-lain lagi.

BAHAGIAN B: *Ulum al-Hadis*

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menjelaskan hukum menolak hadis menurut ulama. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jumhur ulama berpendapat hukum menolak *hadith mutawatir* adalah kufur, kerana ia bersifat *qat'ie*. Bagi hadis yang bersifat *zanni* pula, seperti *hadith ahad*, menolaknya berdosa, tetapi tidak kufur.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** kedudukan hadis dalam Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kedudukan hadis dalam Islam adalah seperti yang berikut:

- (i) Hadis merupakan sumber rujukan yang kedua selepas al-Quran,
- (ii) Hadis merupakan sumber yang wajib diikuti dan diamalkan,
- (iii) Hadis berperanan sebagai penjas kepada ayat-ayat al-Quran,
- (iv) Hadis memperincikan ayat-ayat al-Quran yang bersifat *mujmal*,
- (v) Hadis mengkhususkan ayat-ayat yang bersifat umum.

Soalan 4(c) menghendaki calon membandingkan *al-hadis* dengan *al-sunnah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat sebahagian calon yang hanya memberikan perbezaan antara keduanya sebagai jawapan. Calon perlu memberikan perbezaan dan persamaan antara *al-hadis* dan *al-sunnah*. Antara persamaan *al-hadis* dan *al-sunnah* ialah kedua-duanya menjadi sumber dan rujukan hukum, kedua-duanya boleh menjadi bertaraf *sahih*, *hasan*, *da'if*, dan *mawdu'*, dan kedua-duanya diwariskan kepada umat Nabi Muhammad SAW. Antara perbezaan *al-hadis* dengan *al-sunnah* pula ialah *al-sunnah* lebih umum berbanding dengan *al-hadis*, *al-hadith* ialah apa-apa yang diriwayatkan oleh Nabi Muhammad SAW, manakala *al-sunnah* ialah apa-apa yang menjadi amalan Nabi Muhammad SAW, dan *al-hadis* ialah setiap yang diriwayatkan oleh Nabi Muhammad SAW, sahabat, dan tabiin, manakala *al-sunnah* ialah apa yang diriwayatkan oleh Nabi Muhammad SAW sahaja.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menyenaraikan **empat** tokoh penulis ilmu *jarh* dan *ta'dil*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara tokoh penulis ilmu *jarh* dan *ta'dil* ialah Imam al-Bukhari, Imam Ahmad bin Hanbal, Abu Daud, Abd Rahman bin Abu Hatim al-Razi, Abu Hatim bin Hibban al-Busti, Syamsuddin al-Dhahabi, dan lain-lain lagi.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan **empat** peringkat *jarh* berserta dengan hukum. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang menerangkan peringkat *jarh* tanpa hukum. Jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Lafaz yang menunjukkan melampau dalam berdusta, seperti *fulan akzabun nas*. Hukum hadis ialah palsu,
- (ii) Lafaz yang menggambarkan perawi bersifat dusta, seperti *kazzab*. Hukum hadis tidak boleh berhujah,
- (iii) Lafaz yang menunjukkan tuduhan berdusta, seperti *fulan mutham bi al-kizbi*. Hukum hadis ialah *matruk* dan terlampau *da'if*,
- (iv) Lafaz yang jelas menunjukkan larangan menulis hadis daripadanya, seperti *mardud al-hadith*. Hukum hadis ialah tidak boleh dijadikan hujah dan hadis tersebut tidak boleh dinaikkan kepada *hadith hasan lighairihi* jika ada yang menyokongnya,
- (v) Lafaz yang jelas tidak boleh berhujah dengannya, seperti *fulan da'if*. Hukum hadis ialah *da'if* dan tidak boleh dinaikkan kepada *hasan lighairihi* jika ada hadis lain yang menyokongnya,
- (vi) Lafaz yang paling ringan, seperti *fulan layyin fi al-hadith*. Hadis ini *da'if*, tetapi boleh dinaikkan kepada *hasan lighairihi* sekiranya ada hadis lain yang menyokongnya.

Soalan 5(c) menghendaki calon menjelaskan **empat** kod etika kewartawanan menurut ilmu *jarh* dan *ta'dil*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Wartawan mestilah sentiasa memastikan kesahihan berita yang hendak dilaporkan,
- (ii) Wartawan tidak boleh memalsukan atau menyembunyikan maklumat yang benar dan sahih,
- (iii) Wartawan hendaklah jujur dan sentiasa bertanggungjawab dengan setiap berita yang dilaporkan,
- (iv) Wartawan tidak boleh berat sebelah semasa melaporkan sesuatu perkara,
- (v) Wartawan perlu segera membetulkan laporan yang dibuat sekiranya terdapat kesalahan atau kesilapan sesuatu perkara.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon memberikan **empat** ciri *hadis mawdu'*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara ciri-ciri *hadis mawdu'* adalah seperti yang berikut:

- (i) Menunjukkan makna yang tidak betul, iaitu menyalahi akal yang waras,
- (ii) Menjanjikan ganjaran pahala yang sangat besar untuk amalan yang kecil,
- (iii) Makna *matan* yang melucukan,
- (iv) Bercanggah secara jelas dengan nas al-Quran,
- (v) Gaya bahasa yang lemah,
- (vi) Terdapat perawi yang mengaku berdusta.

Soalan 6(b) menghendaki calon menerangkan pernyataan yang diberikan, iaitu antara faktor kemunculan *hadis mawdu'* ialah perselisihan politik dan fanatik perkauman dan kenegerian. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Faktor politik merujuk kepada perselisihan yang berlaku antara pengikut setia Saidina Ali bin Abi Talib dengan penyokong Muawiyah. Masing-masing mencipta hadis palsu untuk mengagungkan pemimpin mereka dan mencela musuh. Bagi faktor fanatik perkauman dan kenegerian pula, ia berlaku apabila sesetengah khalifah mengutamakan kabilah dan negeri masing-masing. Hal ini menyebabkan rasa tidak puas hati daripada kaum dan negeri yang lain. Maka, muncullah hadis palsu bagi menunjukkan kelebihan kaum dan negeri masing-masing.

Soalan 6(c) menghendaki calon menerangkan **empat** implikasi penggunaan *hadis mawdu'* terhadap akhlak. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang memberikan implikasi secara umum, tanpa mengaitkannya dengan akhlak. Antara jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Menimbulkan budaya seorang anak tidak menghormati ibu dan bapa,
- (ii) Melemahkan semangat seseorang untuk melakukan perkara kebaikan dan sentiasa merasa cukup melakukan amalan yang sedikit kerana yakin ganjarannya besar,
- (iii) Melahirkan rasa fanatik dan taksub pada mana-mana ketua dan kaum,
- (iv) Menimbulkan rasa *ujub* dan *takabbur* kerana merasakan diri lebih baik daripada orang lain,
- (v) Berlakunya pergaduhan dan perselisihan antara masyarakat Islam.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1 011 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.36%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.09	5.14	8.61	5.64	12.07	13.75	12.06	3.86	6.92	4.25	17.61

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik dan calon tidak memberikan fakta yang tepat.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon memberikan **empat** peranan Ilmu Mantik dalam ilmu falsafah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah ilmu mantik bertindak sebagai landasan kepada ilmu falsafah dalam menilai pemikiran manusia, ilmu mantik membantu ahli falsafah dalam membentuk takrif dan istilah, ilmu mantik menyusun perbincangan dalam ilmu falsafah, ilmu mantik membantu dalam menilai pemikiran ahli falsafah, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan sejarah perkembangan Ilmu Mantik di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menerangkan sejarah ini mengikut kronologi. Ilmu mantik muncul di Tanah Melayu antara abad 17 dan 18 seiring dengan kedatangan Islam di Melaka. Kemudian, ilmu mantik diajar di sekolah pondok pada sekitar abad ke 19. Antara kitab mantik yang digunakan ialah Kitab *Idah al-Mubham* dan Kitab *Maqulat*. Seterusnya, ilmu mantik telah diperkenalkan dalam subjek matematik dan mula diajar di peringkat sekolah menengah. Ilmu mantik juga diajar di sekolah-sekolah agama seperti di Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri. Kemudian, ilmu mantik menjadi ilmu yang diuji dalam peperiksaan awam, iaitu STPM dan STAM. Akhirnya, ilmu mantik terus berkembang dan diajar pada peringkat pengajian tinggi seperti di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian berkaitan dengan ilmu mantik terus dijalankan oleh para sarjana.

Soalan 1 (c) menghendaki calon menghuraikan pandangan ulama yang diberikan tentang mempelajari Ilmu Mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Al-Ghazaliyy mengharuskan pembelajaran Ilmu Mantik berdasarkan suasana dan keperluan pada zaman beliau. Ilmu Mantik digunakan untuk berdebat dan mematahkan hujah golongan Muktaizilah yang menggunakan hujah akal semata-mata.
- (ii) Ibn Solah berpendapat haram mempelajari Ilmu Mantik kerana ia bercampur aduk dengan unsur khurafat dan *bidaah*. Ilmu Mantik pada zaman tersebut diambil terus daripada Yunani tanpa mengubah suai mengikut kehendak Islam dan ia digunakan bukan untuk mencari kebenaran.
- (iii) Imam Nawawi mengharamkan pembelajaran Ilmu Mantik kerana ia bercanggah dengan apa yang digariskan oleh al-Quran dan al-Hadis. Terdapat kecenderungan manusia pada zaman tersebut menggunakan Ilmu Mantik untuk mentafsir sesuatu mengikut akal mereka.
- (iv) Ibn Rusyd mengharuskan pembelajaran Ilmu Mantik. Terdapat banyak dalil al-Quran yang mengajak manusia menggunakan akal dalam meneliti kejadian alam menggunakan *qiyas akli*.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon membezakan *jins* dengan *naw'*. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, terdapat sebahagian calon yang tidak membuat perbezaan. Mereka hanya menerangkan ciri-ciri *jins* tanpa membuat perbezaan. Jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) *Jins* merupakan lafaz umum kepada sesuatu yang banyak tetapi berlainan hakikat, manakala *naw'* merupakan lafaz umum kepada sesuatu yang banyak dan mempunyai hakikat yang sama.
- (ii) Di bawah *jins* ada *naw'*, manakala di bawah *naw'* hanya ada *afrad*.
- (iii) *Jins* menunjukkan makna *mutabaqiyyah*, manakala *naw'* menunjukkan makna *tadhammuniyyah*.
- (iv) *Jins* digunakan dalam pembentukan takrif, manakala *naw'* tidak digunakan dalam pembentukan takrif.

Soalan 2(b) menghendaki calon membina takrif kucing dan harimau dan menyatakan *fasl* dan *khassah* bagi setiap takrif tersebut. Kebanyakan calon dapat membina takrif dengan baik. Namun begitu, calon tidak dapat menyatakan *fasl* dan *khassah* bagi setiap takrif dengan tepat. Takrif kucing ialah haiwan yang mempunyai empat kaki, jinak dan mengiau. *Fasl* bagi takrif ini ialah mengiau dan *khassah* ialah jinak. Takrif bagi harimau ialah haiwan yang mempunyai empat kaki, liar, mengaum dan tinggal di hutan. *Fasl* bagi takrif ini ialah mengaum dan *khassah* ialah liar.

Soalan 2(c) (i) menghendaki calon menghuraikan **empat** kesan kesilapan dalam mentakrifkan sesuatu perkara. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Makna sesuatu perkara menjadi tidak jelas,
- (ii) Berlakunya ralat dalam mentakrifkan sesuatu perkara,
- (iii) Berlakunya manipulasi takrif atas tujuan tertentu,
- (iv) Berlakunya kesilapan dalam komunikasi,
- (v) Sukar untuk membezakan antara dua perkara yang hampir sama.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon memberikan contoh bagi setiap *qadiyyah* yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) *Qadiyyah hamliyyah kulliyyah mujabah*
Semua pelajar sekolah agama lulus cemerlang dalam mata pelajaran Usuluddin
- (ii) *Qadiyyah hamliyyah juziyyah salibah*
Sebahagian pelajar sekolah agama tidak lulus peperiksaan
- (iii) *Qadiyyah shartiyyah muttasilah kulliyyah mujabah*
Apabila semua pelajar membaca buku, maka mereka akan lulus cemerlang dalam peperiksaan
- (iv) *Qadiyyah shartiyyah munfasilah*
Sama ada dua itu genap atau ganjil

Soalan 3(b) menghendaki calon menerangkan **empat** perbezaan antara *qadiyyah hamliyyah* dengan *qadiyyah shartiyyah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang mampu memberikan dua perbezaan sahaja. Antara jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) *Qadiyyah hamliyyah* tidak mempunyai kata syarat, manakala *qadiyyah shartiyyah* mempunyai kata syarat
- (ii) *Qadiyyah hamliyyah* berperanan untuk mensabitkan menafikan hukum kepada sesuatu perkara, manakala *qadiyyah shartiyyah* berperanan mensabitkan kaitan antara dua *qadiyyah*
- (iii) Komponen utama *qadiyyah hamliyyah* ialah *maudu'* dan *mahmul*, manakala komponen utama *qadiyyah shartiyyah* ialah *muqaddam* dan *tali*.
- (iv) *Qadiyyah hamliyyah* mempunyai satu *qadiyyah* sahaja, manakala *qadiyyah shartiyyah* mempunyai dua *qadiyyah* yang berasingan
- (v) *Qadiyyah hamliyyah* perlu ada *rabitah*, manakala *qadiyyah shartiyyah* perlu ada syarat dan jawab

Soalan 3(c) menghendaki calon menghuraikan **empat** kepentingan kaedah *qiyas* dalam ilmu Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Menolak hujah dan pendapat golongan yang menyeleweng daripada Ahli Sunnah Waljamaah,
- (ii) Ulama menggunakan kaedah ini dalam penulisan karya supaya pembaca lebih mudah faham dengan menggunakan kekuatan dalil akal,
- (iii) Menghapuskan pemikiran yang karut dan tidak boleh diterima oleh akal waras manusia,
- (iv) Memandu akal manusia supaya yakin dengan perkara *ghaib* yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia,
- (v) Membantu ulama dalam *mengistinbat* hukum baharu yang tiada dalam al-Quran dan hadis.

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menjelaskan maksud ralat dan falasi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ralat ialah kesilapan dalam mentakrifkan sesuatu perkara disebabkan oleh takrif tersebut tidak memenuhi syarat pembinaan takrif. Falasi ialah hujah yang lemah, iaitu premisnya tidak cukup kuat untuk menyokong kesimpulan.

Soalan 4(b) menghendaki calon menerangkan **empat** faktor berlakunya ralat dalam mentakrifkan sesuatu perkara. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah takrif tidak *jami'* dan *mani'*, takrif dibina menggunakan ungkapan *majaz*, membina takrif menggunakan kata nafi, membina takrif menggunakan kata *musytarak*, membina takrif dengan perkataan seerti, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(c) menghendaki calon menghuraikan **empat** faktor berlakunya falasi dalam berhujah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Tidak menggunakan kaedah yang betul dalam berfikir dan berhujah,
- (ii) Menjadikan pancaindera sebagai panduan dalam berfikir atau menentukan sesuatu perkara,
- (iii) Terlalu cepat dan gopoh dalam membuat kesimpulan,
- (iv) Membuat kesimpulan yang tiada kena mengena dengan premis yang dibina,
- (v) Skruktur *qiyas* tidak mengandungi tiga *had*.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan biodata ringkas Ibn Sina. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan nama penuh, tarikh lahir, ketokohan, dan perwatakan Ibn Sina dengan tepat.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan **empat** pemikiran mantik Ibn Sina dalam *Kitab al-Isharat wa al-Tanbihat*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Ilmu mantik merupakan suatu medium berfikir untuk mengawasi pemikiran manusia dari tersilap dalam kegiatan berfikir,
- (ii) Ilmu mantik merupakan alat intelektual yang sesuai untuk membahaskan ilmu bersifat teori,
- (iii) Ilmu mantik penting sebagai alat untuk menilai ketepatan fikiran manusia,
- (iv) Ilmu mantik penting dalam membezakan antara kebenaran dan kepalsuan dalam hal yang menyentuh persoalan *al-tasawwur* dan *al-tasdiq*,
- (v) Ilmu mantik diperlukan dalam melengkapkan ilmu pengetahuan yang terdapat pada individu yang tidak dianugerahkan keistimewaan tertentu.

Soalan 5(c) menghendaki calon menghuraikan **empat** sumbangan Ibn Haytham dalam perkembangan metode kajian ilmiah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Beliau menulis banyak buku mantik seperti kitab *al-manazir*, *maqalah fi istikhraj samt al-qiblah*, dan lain-lain lagi,
- (ii) Pengasas *manhaj istiqa'i*,
- (iii) Memperkenalkan konsep *mulahazah*,
- (iv) Beliau menggunakan kaedah *tajribah* semasa membuat ujikaji,
- (v) Memperkenalkan kaedah *al-tanwi' wa al-tikrar* dalam melakukan kajian bagi menghasilkan dapatan yang tepat,
- (vi) Memperkenalkan kajian berdasarkan objektif yang baik.

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)